

10/02/1997

Hayati pengertian Aidilfitri penuh kesyukuran

KUALA LUMPUR, Ahad - Pengertian Aidilfitri perlu dihayati oleh umat Islam dengan penuh kesyukuran dan keinsafan agarambutannya tidak menyimpang daripada makna sebenar iaitu meraikan kejayaan melawan hawa nafsu.

Mufti Selangor, Datuk Ishak Baharom, berkata Aidilfitri adalah hari kemenangan bagi umat Islam selepas menjalani ibadat puasa selama sebulan.

Beliau berkata, mengikut hukum syarak berjihad melawan hawa nafsu adalah perkara mulia dan menyambut hari raya juga adalah amalan mulia yang penuh dengan keberkatan.

"Hari raya adalah hari mulia dan jangan dicemari hari kemenangan ini dengan perkara yang bercanggah di sisi agama," katanya.

Mengulas mengenai ucapan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sempena Aidilfitri, supaya rakyat mengamalkan kesederhanaan dan menjaga keharmonian, beliau berkata, Islam menggalakkan umatnya sentiasa bersederhana dalam semua perkara.

Mengenai sambutan perayaan berkembar, Ishak berkata, agama tidak melarang umatnya meraikan hari raya kaum lain sebagai tanda menghormati adat mereka.

Bagaimanapun, katanya, mereka dilarang memuliakan perayaan itu sebagaimana mereka memuliakan Aidilfitri.

Mufti Perak, Datuk Harussani Zakaria, berkata dalam hadis Qudsi diterangkan bahawa hari raya adalah hari Allah membalas ibadat umatnya dengan kurniaan pahala dan doa mereka dimakbulkan.

Beliau berkata, menyambut hari raya adalah ibadat yang menepati sunnah Rasulullah dan mereka yang meraikannya dianggap melakukan ibadat di sepanjang hari.

Harussani berkata, Islam juga menggalakkan umatnya menjalinkan hubungan erat dan keharmonian dengan mengadakan kunjungan ke rumah saudara dan sahabat handai.

Katanya, untuk menghayati pengertian hari raya yang sebenar, umat Islam digalakkan banyak bersyukur dan mengamalkan sikap sederhana ketika berbelanja atau menjamu selera.

(END)